

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 12 BILANGAN 34 RABU 23 OGOS, 1967. 1387 رابو 17 جمادي الاول PERCHUMA

Semoga Allah chuchuri kebahagiaan ka-atas kedua Pengantin Di-Raja

BANDAR BRUNEI — Kira2 15,000 orang raayat dan penduduk Brunei pada minggu lalu telah mengalu2kan pengantin Di-Raja Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Nor'ain dan suaminya Yang Amat Mulia Pengiran Anak Mohamad Yusof apabila kedua2 mempelai Di-Raja itu di-arak melalui Bandar Brunei.

Antara-nya termasuk enam ribu kanak2 sekolah dari kawasan Bandar Brunei, yang berbaris di-sepanjang jalan sejauh dua batu dari Istana Darul Hana ka-Bandar Brunei.

Perarakan itu di-jalankan, sa-telah berlangsung-nya Istiadat Bersanding Di-Raja di-Balai Singgahsana di-Istana Darul Hana, dalam mana 3,000 orang tetamu telah di-undang, termasuk tetamu khas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Singapura, Tuan Lee Kuan Yew.

Perarakan perkahwinan Di-Raja itu ada-lah merupakan chara Adat Istiadat Brunei, untok mengenalkan kedua2 mempelai Di-Raja itu kepada khalayak ramai.

Kedua2 mempelai Di-Raja itu di-bawa oleh sa-buah kenakan yang di-hiasi khas dan di-dahului oleh pasokan2 pan-

charagam Pulis Di-Raja dan Askar Melayu Di-Raja, alat2 kebesaran Di-Raja, gendang2 Di-Raja, dian dan di-ikuti pula oleh barisan pahawai dan panglima Istana.

Sa-terus-nya di-ikuti pula oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, menantu Baginda Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Isteri Anak Saleha dan Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mohammad Bolkih.

IKUT BERARAK

Turut berkereta dalam perarakan itu ia-lah Pesurohjaya Tinggi British, Tuan Yang Terutama Awang F. D. Webber, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Pemangku Menteri Besar dan ketua2 jabatan.

Sementara itu, dalam Istiadat


Berina Di-Raja, Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan Raja Isteri telah mendahului pembesar2 negara untok memulakan istiadat itu yang telah berlangsung di-Ista-

na Darul Hana dan di-rumah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha pada sa-belah malam sa-belum Istiadat Bersanding itu di-laksanakan.



Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Nor'ain bersama2 dengan suami-nya Yang Amat Mulia Pengiran Anak Mohamad Yusof sedang di-tuntun oleh Y. T. M. Duli Pengiran Muda Mohammad Bolkih, kakanda Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Nor'ain untok keluar istana kerana hendak menjalani istiadat perarakan mengelilingi Bandar Brunei bagi Pengantin Di-Raja itu. Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan kelihatan mengiringi mempelai Di-Raja itu, sementara di-sabelah baginda ia-lah Pemangku Pengetua Adat Istiadat Dalam Istana, Pengiran Haji Mokhtar Puteh. Gambar kiri menunjukkan Yang Amat Berhormat, Perdana Menteri Singapura, Tuan Lee Kuan Yew, Pesurohjaya Tinggi British, Awang F. D. Webber, Y. T. M. Duli Pengiran Muda Mohammad Bolkih dan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara ketika berjalan masuk ka-rumah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha dalam Istiadat Berina ka-atas Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Mohamad Yusof.





Gambar bangunan Lapau Di-Raja yang sedang dalam pembenaan.

Dewan Majlis berkehendakkan gambar2 bangunan2 lama dari orang ramai

BANDAR BRUNEI — Jabatan Jurutulis Majlis2 Mashuarat Negeri Brunei sangat2 memerlukan beberapa keping gambar lama yang berupa gambar bangunan2 Lapau Lama, Opis Batu D.Y.M.M. Lama, Opis Kajang dan Lapau Kajang.

Jurutulis Majlis2 Mashuarat Negeri Brunei, Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim mengharapkan kerja sama dari orang ramai, khas-nya kepada pemegang2 gambar2 yang di-sebutkan itu supaya bermurah hati memberikan gambar2 tersebut.

Beliau menjelaskan bahawa gambar2 yang di-perlukan itu ia-lah untuk di-simpan di-Bangunan Baru Dewan Majlis yang sedang dalam pembenaan itu.

Oleh itu beliau berharap kepada siapa2 yang ada menyimpan gambar2 itu supaya dapat berurus terus dengan beliau pada bila2 masa di-waktu bekerja.

Pengiran Haji Abdul Rahman menyatakan, sagu hati kerana kemurahan hati memberikan gambar2 itu akan diberi kepada orang2 yang berkenaan dan nama2 mereka akan di-chatet nanti sa-bagai kenang2an.

Bentok2 ke-empat2 gambar yang di-kehendaki itu ia-lah:

* **GAMBAR LAPAU YANG BERHAMPIRAN DENGAN ISTANA MAJLIS:** Istana Majlis ini dahulu-nya di-bena bertempat di-Pejabat Perkhidmatan Pos yang ada sekarang ini kira2 28 tahun yang lalu.

Lapau ini bukan saja digunakan berhubung dengan Istiadat Di-Raja, tetapi bangunan ini juga di-gunakan sa-bagai tempat Persidangan Majlis Mashuarat Negeri Brunei.

* **OPIS DULI YANG MAHA MULIA AL-SULTAN (OPIS BATU):**

Apabila Istana Majlis diruboh, maka Opis bagi Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan

ia-lah di-bena di-tapak Istana Majlis ini. Manakala Lapau yang tersebut di-atas telah musnah, maka Majlis Mashuarat Negeri Brunei telah berpindah ka-opis ini. Kemudian Opis ini juga telah di-musnahkan oleh bom di-masa peperangan dunia kedua meletus.

Sa-lepas perang dunia kedua tamat, tapak ini pula di-gunakan bagi mendirikan bangunan Jabatan Perkhidmatan Pos yang ada sekarang.

* **OPIS KAJANG:**

Sa-bahagian daripada bangunan ini telah di-bena untuk Majlis Mashuarat bersidang kira2 pada tahun 1945.

* **LAPAU KAJANG.**

Apabila Lapau Kajang ini telah siap di-bena, maka Majlis Mashuarat Negeri Brunei berpindah dari Opis Kajang ka-bangunan ini.

Itu ada-lah sejarah ringkas mengenai bangunan2 lama tersebut untuk panduan bagi mensahkan gambar2 yang di-hendaki itu.

SEMINAR KESIHATAN BAGI GURU2 DI-TUTONG

TUTONG — Satu seminar pelajaran kesihatan bagi guru2 sekolah Melayu telah di-adakan di-sekolah Melayu Muda Hashim Tutong pada hari Rabu yang lalu.

Seminar itu ada-lah yang ke-tiga dari siri seminar2 yang di-anjarkan oleh Jabatan Perubatan dan telah di-hadiri oleh 57 orang guru termasuk enam orang guru perempuan dari sekolah2 Melayu dalam daerah Tutong.

Di-antara yang hadir dalam seminar itu ia-lah dua orang penyelia sekolah2 Melayu di-Daerah Tutong, ia-itu Che'gu Shahbudin bin Salleh dan Che'gu Abdullah bin Penyurat Haji Abu Bakar.

Seminar itu bertujuan untuk menyampaikan asas2 amalan kesihatan yang sehat kepada kanak2 kechil melalui guru2 mereka.

Seminar sa-lama sa-hari itu tamat pada sa-belah petang.

Di-sepanjang hari, sharah2-an mengenai kesihatan, asas2 pengawalan penyakit2 yang berjangkit, kebersihan gigi, penyakit batok kering, usaha menghapuskan penyakit malaria dan pencerangan2 telah diberikan oleh doktor2 dari Jabatan Perubatan.

25 September perayaan Hari Keputeraan D.Y.M.M. ke-51 di-Temburong

TEMBURONG. — Pegawai Daerah Temburong, Awang Johari bin Abdul Razak telah di-lantek menjadi pengerusi jawatankuasa sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan yang ke-51.

Jawatankuasa yang mengandungi 21 orang itu telah dipileh dalam satu mashuarat yang telah di-adakan di-Kelab Temburong pada minggu lalu.

Jawatankuasa tersebut ber-setuju untuk mengadakan perayaan2 di-daerah itu sa-lama empat hari mulai 25 September.

Kemunchak dari segala perayaan2 itu ia-lah satu perbarisan rasmi sambutan Hari Keputeraan Baginda yang mana anggota2 dari Pasokan Askar Melayu Di-Raja yang di-tempatkan di-Bangar akan mengambil bahagian.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari Rabu 23 Ogos, 1967 hingga ka-hari Selasa 29 Ogos, 1967 ada-lah seperti bi-bawah ini:—

Hari	Matahari						
	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh
23 Ogos	12-27	3-45	6-35	7-46	4-42	4-57	61-5
24 Ogos	12-27	3-45	6-35	7-46	4-42	4-57	61-5
25 Ogos	12-27	3-45	6-35	7-46	4-42	4-57	61-5
26 Ogos	12-26	3-43	6-33	7-44	4-42	4-57	6-14
27 Ogos	12-26	3-43	6-33	7-44	4-42	4-57	6-14
28 Ogos	12-26	3-43	6-33	7-44	4-42	4-57	6-14
29 Ogos	12-26	3-43	6-33	7-44	4-42	4-57	6-14

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembhyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

Bilek darjah di-S.M. Sultan Hasan, Bangar bertambah

TEMBURONG — Sekolah Melayu Sultan Hasan, Bangar akan di-perluaskan dengan ditambahkan lapan buah bilek darjah dan sa-buah asrama yang berasingan bagi murid2 lelaki dan perempuan.

Pengarah Pelajaran, Dato Paduka M. MacInness berkata, asrama2 itu yang sekarang hampir selesai akan dapat menampung sa-banyak 100 orang murid2 lelaki dan 50 orang murid2 perempuan.

Asrama2 itu akan menempatkan sa-bahagian besar dari murid2 lelaki dan perempuan yang datang dari kampung2 yang terpilih yang tidak mempunyai sekolah2 menengah.

Dato MacInness berkata, asrama2 itu akan mempunyai sa-buah dewan makan. Rangkaian binaan2 itu di-taksirkan akan menelan belanja sa-banyak kira2 \$300,000.

Penambahan pesat pendaftaran kanak2 ka-sekolah itu telah memerlukan sekolah itu di-perluaskan dan mengadakan rumah2 baru bagi guru yang sa-makin bertambah.

Sa-laras dengan rancangan perluasan itu, beberapa buah rumah bagi guru2 juga akan di-bena.

Rumah persinggahan di-Bandar Brunei

BANDAR BRUNEI — Sa-buah rumah persinggahan moden yang mempunyai dua puluh buah bilek tetamu telah di-ranchangan pembenaan untuk Bandar Brunei.

Ketika mengumumkan demikian pada minggu lalu, sa-orang juruchakap kerajaan berkata, rumah persinggahan itu akan dapat memberikan bantuan untuk menampung bilangan pelawat2 yang semakin bertambah ka-negeri ini.

Tapak bagi rumah persinggahan baru itu telah pun dipilih dan kerja2 sedang di-jalankan sekarang untuk meratakan kawasan itu di-sa-buah bukit dekat dengan Subok, yang berhadapan dengan sungai Brunei.

Rumah persinggahan yang ada sekarang dekat Tambatan Kastam, Bandar Brunei sama ada akan di-runtuhkan atau pun di-gunakan bagi tujuan lain sa-baik2 sahaja rumah persinggahan baru itu siap pembenaan-nya.

Baru2 ini, sa-buah rumah persinggahan baru telah siap di-bena di-Kuala Belait. Ia-nya mempunyai 10 buah bilek tetamu dan sa-buah dewan yang berhawa dingin.

PERUNTOKAN SERATUS RIBU RINGGIT UNTUK BANTUAN MENTERNAK AYAM

BANDAR BRUNEI — Jabatan Pertanian tidak lama lagi akan mengadakan ranchangan bantuan menternak ayam untuk menambakan hasil pengeluaran telur dan daging tempatan. Kerajaan telah membuat peruntokan wang sa-jumlah \$100,000.00 untuk melaksanakan ranchangan itu.

Pegawai Haiwan, Awg. C. V. Subramaniam berkata, dibawah ranchangan tersebut, Jabatan Pertanian akan memberi dengan perchuma sa-banyak 50 ekor anak ayam dari baka yang baik kepada bakal peladang.

Champoran makanan juga akan di-berikan dengan perchuma sa-lama empat bulan.

SHARAT PEMBEKALAN

Pembekalan anak2 ayam dan champoran makanan itu adalah dengan syarat bahawa bakal peladang itu telah pun mendirikan sa-buah reban ayam "sistem menternak ayam di-atas habok2 di-tanah" atau "deep litter system", serta satu tempat pengeraman dengan perbelanjaan-nya sendiri sa-laras dengan penentuan2 yang telah di-luluskan.

Pegawai Haiwan dan kakitangan2-nya akan memberikan nasihat2 mengenai pembekalan, pemilehan, pemasaran dan penchegahan penyakit dengan perchuma untuk menjamin ke-

jayaan ranchangan itu.

Tujuan ranchangan bantuan menternak ayam itu ia-lah untuk membekalkan telur dan daging ayam chukop untuk si-peladang sa-keluarga dan bukan pula untuk menjadikan peladang itu sa-orang saudagar ayam.

Ada-lah di-harapkan bahawa banyak orang akan mengambil kesempatan dari bantuan yang akan di-tawarkan oleh kerajaan guna menambakan hasil pengeluaran telur dan daging di-negeri ini.

Brunei mengimpot hampir2 9 juta biji telur dan kira2 240,000 ekor ayam sa-tiap tahun dari negara tetangga.

CHONTOH REBAN

Reban2 ayam "deep litter" akan di-dirikan di-Kilanas dan lain2 steshen pertanian untuk di-lihat dan di-ikuti oleh peladang2.

Bagi permulaan, 800 unit dari ladang2 menternak ayam yang di-bantu itu akan di-luluskan tahun ini, ia-itu 200

di-Daerah Brunei/Muara, 300 di-Daerah Tutong, 250 di-Daerah Belait dan 50 di-Daerah Temburong.

Sesiapa yang ingin hendak menyertai ranchangan ini hendak-lah berhubung dengan Pegawai Pertanian yang berkuasa di-daerah masing2.

Pembenaan bagi 3 tambatan yang baru

BANDAR BRUNEI — Pengguna2 tambatan Kastam Bandar Brunei, sekarang ini mempunyai kawasan yang lebeh luas untuk menguruskan kerja2 berikutan dengan siap-nya pembenaan tiga kawasan tambatan batu yang baru.

Halaman tambatan itu direka oleh Sharikat Steen Secheded dan Rakan2 dan pembenaan-nya telah di-berikan kepada pemborong Wong Brothers.

Sa-orang juruchakap kerajaan berkata, kerja2 pembenaan telah di-mulakan dalam bulan Februari dan pembenaan tambatan itu telah siap terlebih awal dari yang di-ranchangkan.

Sementara itu kerja2 mengenai usaha meluaskan lagi tambatan kastam sa-panjang 330 kaki sedang berjalan dengan lancar dan memuaskan.

PANGKALAN BARU


Perluasan itu di-jangka siap pembenaan-nya dan dapat di-gunakan sa-belum akhir tahun ini.

Juruchakap itu menambakata, kerja2 sedang berjalan dengan lancar-nya bagi pembenaan sa-buah pangkalan baru bagi penumpang2, beberapa buah pangkalan bagi moto-bot2 kecil dan sampan2 serta perbekalan ayer.

Pembenaan sa-buah gudang baru, sa-buah tempat menimbang dan lain2 kemudahan dan tambahan2 akan di-mulakan pembenaan-nya tidak beberapa lama lagi.

Tambahan2 itu akan memudahkan kerja2 untuk menguruskan dengan chepat dan lancar, alat2 dan bahan beanaan yang banyak dan barang2 lain yang di-perlukan untuk ranchangan2 perkembangan kerajaan.

Gambar sa-belah kiri ia-lah pemandangan ketika kerja2 meluaskan Tambatan Kastam.



PELITA BRUNEL
23 Ogos, 1967
MUHBIBAH

ISTIADAT perkahwinan Di-Raja baru saja berlalu, namun kita masih lagi dalam lingkungan suasana yang amat mengembirakan dan suasana itu mungkin masih hangat dalam sanubari kita walau pun ia hanya nanti berlalu dalam beberapa bulan ke hadapan.

Dalam perayaan2 keramaian kerana Perkahwinan Di-Raja itu, penduduk2 negeri ini sudah siang dan malam membentangi pusat keramaian tersebut untuk bersama2 bergembira di samping dia tetamu mereka terhadap keruan damai mempelai Di-Raja itu.

Suana dalam negeri ketika itu amatlah kilau kemilau dan membangkitkan semangat kegembiraan di samping menantikan peralihan pendudukan dengan persembahan2 kebudayaan masing2 baik di-petempatan ini atau pun di-Padang Besar.

Sempena dengan perkahwinan Di-Raja itu, tetamu2 khas dari luar negeri yang telah diundang kerana mengahiri istiadat itu telah membuang masa mereka yang berharga untuk sama2 menyaksikan istiadat bersanding bagi mempelai Di-Raja itu.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Singapura, Tuan Lee Kuan Yew dan Yang Berhormat Speaker Dewan Undangan Sabah, Dato Haji Kassim ialah tetamu2 kehormat dari negara2 jiran itu.

Kehadiran pemimpin Negara Republik Singapura itu adalah di-undang oleh Kebawah Duli2 Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan Raisa Istari, Kerajaan dan rakyat baginda dan alaiun itu juga di-undang kepada Speaker Dewan Undangan Sabah.

Disamping kehadiran tetamu2 khas itu, adalah menjadi harapan Brunei supaya sambutan2 muhibbah yang telah diberikan itu sentiasa mendatangkan kegembiraan kepada mereka.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Kerajaan dan rakyat baginda adalah menantikan peralihan kearah peralihan khalid lagi muhibbah kepada negara2 yang berjiran.



Gambar atas menunjukkan, Pengantin Lelaki Di-Raja, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Mohamad Yusof sedang di-tuntun oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan menuju ka-Balai Singgahsana untuk menjalani Istiadat Bersanding.



Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Nor'ain sedang di-tuntun oleh isteri Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar dan isteri Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kamaluddin menuju ka-Balai Singgahsana untuk menunggu keribatan Pengantin lelaki Di-Raja bagi istiadat bersanding.

Berlangsong-nya Istiadat Perkahwinan Di-Raja

Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Nor'ain, puteri kepada Duli2 Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan Raisa Istari telah selamat sempurna menjalani Istiadat Perkahwinan dengan Paduka Duli Pengiran Pemancha dan Pengiran Bini.

Sa-belum Istiadat Bersanding di-jalankan ia-tu sa-bagai kemuncak dari segala Istiadat Perkahwinan Di-Raja itu, istiadat berjaga-jaga telah di-mulakan sejak 31 Julai, 1967 dan di-jajalkan akan berakhir pada 25 Ogos, 1967 ini. Istiadat Berjaga-jaga itu telah di-jalankan di-Istana Darul Hanu.

Istiadat Perkahwinan Di-Raja itu pertunjukan2 dan permainan2 telah di-jalankan di-Bandar Brunei sejak 2 Ogos, 1967. Perayaan di-Padang Besar Bandar Brunei sa-makin meriah lagi apabila sejak 8 Ogos, 1967 di-mulakan pertunjukan2 pentas yang di-dirikan di-keliling Padang Besar itu.

Pertunjukan itu meliputi kepada persembahan2 aneka warna dari Bolu2 Daerah Brunei dan Muara, persembahan Murid2 Sekolah persembahan Kebudayaan Antara Bangsa, Joged Moden dan Pasar Gembira.

Sementara permainan2 di-Petempatan ini ada di-mulakan oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Sultan Bolkiah dan isteri beliau, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar dan isteri beliau, Datin Hajjah Salmah.

Duli Pengiran Pemancha adalah meliputi kepada persembahan2 aneka warna, Kajet, Silat, Kuntai dan Pan-chak serta perunjukan Kebudayaan. Pukul2 yang tinggal di-negeri ini yang datang-nya dari seluruh daerah.

Suana malam di-Bandar Brunei hingga ka-Istana telah di-penuhi dengan kegembiraan dengan simbah-bahaya lampu yang beraneka warna dan perhiasan2 pada bangunan2 serta pintu2 gerbang yang menjulang.

Dan sekarang suana itu masih lagi meliputi ibu kota walau pun Istiadat Bersanding dan Muteh Tiga hari telah sempurna di-laksanakan.

Halaman muka tengah Pelita Brunei keluaran ini di-sajikan dengan gambar2 perkahwinan Di-Raja itu. Semoga Allah chuchun kebajikan ka-atas pengantin Di-Raja.



Gambar atas menunjukkan di-antara pembesar2 negara dan tetamu khas yang hadir bagi menyaksikan Istiadat Bersanding bagi mempelai Di-Raja. Dudok di-depan dari kiri ialah Yang Teramat Mulia Pemangku Menteri Besar dan isteri beliau, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Singapura, Tuan Lee Kuan Yew, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar dan isteri beliau, Datin Hajjah Salmah.



Pengantin Di-Raja ketika bersanding di-Bilik Pengantunan sa-telah bersanding di-Balai Singgahsana.



Mempelai Di-Raja dengan di-tuntun oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mohammad Bolkiah berangkat dari Singgahsana untuk bersanding sa-mula di-bilik Pengantunan dan sa-terus-nya berangkat untuk menjalani perarakan mengelilingi bandar.



Suana perarakan Pengantin Di-Raja ketika mengelilingi Bandar Brunei.



Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Nor'ain ketika menjani istiadat Bermai.



Yang Amat Mulia Pengiran Anak Mohamad Yusof sa-waktu menjani Istiadat Bermai yang di-langsungkan di-rumah ayahnya-nya, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha.



Kereta yang ke-empat dari depan yang di-hiasi dengan perhiasan Di-Raja dan payong Di-Raja itu ialah kereta yang membawa pengantin Di-Raja suami isteri dalam perarakan mengelilingi bandar.

Keputusan lumba jalan kaki di-Keriam

KERIAM, TUTONG. — Samarai 167 orang peserta, termasuk 63 orang perempuan telah menyertai perlumbaan jalan kaki yang di-anjorkan oleh Persatuan Melayu Keriam, Tutong pada minggu lalu.

Perlumbaan itu terbahagi kepada lima bahagian, ia-itu bahagian lelaki dewasa, perempuan dewasa, kanak2 lelaki dan perempuan dan bahagian berpasokan yang hanya terbuka kepada sekolah2 dan persatuan2 di-daerah Tutong.

Perlumbaan bagi bahagian lelaki ia-lah sa-jauh enam batu dan dalam bahagian perempuan sa-jauh empat batu.

Keputusan2 perlumbaan ada-lah seperti berikut:

Bahagian Berpasokan: 1. Persatuan Pemuda Pemuda Tanjung Maya; 2. Persatuan Melayu Sengkarai; 3. Persatuan Melayu Keriam, Tutong.

Lelaki Dewasa: 1. Ja'afar; 2. Ahmad bin Hitam; 3. Kamaluddin bin Hitam.

Kanak2 Lelaki: 1. Mohammed Yusof; 2. Tae Lim Seng; 3. Kahar bin Juma'at.

Perempuan Dewasa: 1. Dayang Minah bte. Haji Damit; 2. Dayang Lauyah bte. Mohd. Yassin; 3. Kaidah bte. Haji Lamit.

Kanak2 Perempuan: Dayangku Rafiah bte. Pengiran; Juba; 2. Dayang Diah bte. Lamuddin; 3. Dayang Sisum bte. Haji Kamis.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Pesuruhjaya Kebajikan, Awang Salleh bin Haji Masri.

PERLAWANAN TINJU SA-NEGERI DI-TUNDA KAPADA 25 DAN 26 OGOS

BANDAR BRUNEI — Perlawanan tinju Sa-Negeri Brunei yang di-jadualkan di-adakan pada 18 Ogos telah di-tanggohkan kapada 25 dan 26 Ogos bertempat di-Dewan Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Brunei.

Setia Usaha Persatuan Tinju Amateur Brunei, Awg. S. Palaniandy berkata, perlawanan itu ia-lah untuk memilih ahli2 tinju Negeri Brunei yang akan mempertahankan Piala Gibson dalam perlawanan menentang

Labuan pada 2 September, 1967.

Perlawanan tinju itu ada-lah terbuka kepada semua orang yang tinggal di-Brunei yang berumur lebeh dari 16 tahun sa-tengah.

Kajian gerakan bumi dekat pantai Brunei

BANDAR BRUNEI — Satu kajian gerakan bumi chara 'Sparker' telah di-jalankan di-laut China Selatan dekat pantai Brunei selama kira2 dua bulan mulai 20 Ogos yang lalu.

Penyelidikan "Sparker" itu ada-lah sa-rupa dengan penyelidikan2 "Seismic" kechuali bunga api letrik ada-lah digunakan sa-bagai tenaga-nya tidak ubat letupan.

Sa-buah kapal German, M.V. "Jason" telah di-tugaskan untuk menjalankan kerja2 penyelidikan itu.

ISHARAT

Kapal tersebut menunda sa-buah pesawat hydrophone pada suatu kawat 1,500 meter panjang-nya dan di-tenggelamkan sa-dalam 15 kaki.

Kapal itu juga membawa isyarat sa-bagai sa-buah kapal yang menjalankan kerja2 meletakkan cable.

Isharat itu terbahagi kapada dua bentok bulatan merah dengan satu bentok potongan intan puteh di-pasang di-antara-nya supaya dapat di-lihat dengan jelas.

Tiket2 untok saksikan 'Talentine' sedang di-jual

BANDAR BRUNEI. — Samarai 13 orang peserta persorangan telah di-pilih untok memasoki pertandingan sa-paroh dan peringkat akhir dalam pertandingan Bakat Radio Brunei atau "Talentine" yang akan di-adakan pada 9 September yang akan datang.

TIKET2

Sa-buah penyanyi kumpolan dari Bandar Brunei dan lima dari Daerah Belait telah pun di-pilih untok mengambil bahagian dalam pertandingan peringkat akhir.

Tiket2 yang berharga \$3.00, \$2.00 dan \$1.00 untok menyaksikan pertandingan itu boleh di-beli dari Radio Brunei, di-Bandar Brunei dan di-Studio Radio Brunei di-Kuala Belait.

TEMBURONG DENGAN PROJEK PEMBANGUNAN-NYA

TEMBURONG — Kerja2 membena sa-buah jambatan baru yang menyeberangi Sungai Temburong sedang berjalan dengan baik dan memuaskan dan ada-lah di-jadualkan bahawa jambatan itu akan siap pembenaan-nya menjelang awal tahun hadapan.

Jambatan yang panjang-nya 300 kaki dan 30 kaki lebar itu akan dapat menghubungkan Bangar dengan Bangar Baru.

Ia-nya di-taksirkan berharga kira2 \$900,000.

Jambatan tersebut di-bena 20 kaki dari paras ayer sungai itu untok membolehkan kenderaan2 sungai melalui-nya dan untok menjamin bahawa jambatan itu tidak akan tenggelam dalam masa banjir.

Bangar Baru terletak berhadapan dengan Bangar di-satu kawasan sa-luas 60 ekar.

Di-samping itu, kerja2 membena sa-buah pangkalan batu bagi menggantikan pangkalan kayu yang ada sekarang telah pun di-mulakan.

Pangkalan batu itu di-taksirkan menelan belanja kira2 \$200,000 dan pembenaan-nya di-jangka siap dalam tahun hadapan.

Pegawai Daerah Temburong, Awg. Johari bin Abdul Razak berkata, pangkalan baru itu ada-lah panjang-nya 84 kaki dan 22½ kaki lebar.

Satu lagi projek pembangunan yang sedang berjalan dengan baik-nya sekarang ia-lah pembenaan sa-batang jalan kampakong2 pendalaman.

Jalan itu kira2 12 batu panjang-nya bersimpang di-hujung jalan dan berakir di-Temada melalui Belais, Rataie, Bokok dan Bakarut.

Kerja membena jalan tersebut di-jalankan oleh pasokan jurutera Askar Gurkha.



Kerja2 pembenaan jambatan yang akan menghubungkan Bangar dengan Bangar Baru sedang berjalan dengan lancar-nya.

Jawatan kosong sa-bagai Penyelenggara Setor Tingkat I

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput daripada chalon2 yang menjadi ra'ayat atau yang berhak di-daftarkan menjadi ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan bagi memenuhi jawatan sa-bagai Penyelenggara Setor Tingkat I di-Jabatan Talikom, Brunei.

KELAYAKAN2 DAN PENGALAMAN:

- Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Form III Inggeris atau yang sebanding dengan-nya; dan
- telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang dari 5 tahun dan mempunya pengalaman dalam menjalankan kerja2 Penyelenggara Setor.

GAJI:

Dalam sukatan gaji D.4 — \$500x20 - 620 sa-bulan.

Permohonan2 yang mestj di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 30 Ogos, 1967.

Kerja2 daftar pengundi2 baru telah selesai

BANDAR BRUNEI — Jabatan Pilehan Raya telah menamatkan tugas tahunan-nya untuk mendaftar pengundi2 baru pada minggu lalu.

Penyelia Pilehan Raya, Awg. Matnoor MacAfee berkata, nama pengundi2 baru itu serta perubahan2 alamat mereka sedang di-masokan ka-dalam buku2 daftar pilehan raya.

Buku2 daftar pilehan raya yang di-ubah itu, akan di-terbitkan tidak lama lagi.

Kerja2 mendaftar pengundi2 baru itu telah di-mulakan pada 12 Julai dan memakan masa sa-lama sa-bulan.

Dalam masa itu, sa-banyak 131 rombongan pendaftaran telah di-tugaskan untuk meliputi semua daerah2 pilehan raya di-negeri ini.

8 orang guru jalani kursus di-UK

BANDAR BRUNEI — Sa-ramai lapan orang guru, termasuk sa-orang perempuan telah berlepas dari Brunei ka-United Kingdom untuk menjalani pelabagai kursus di-maktab2 universiti di-sana.

Lima orang dari mereka telah mendapat dermasiswa kerajaan Brunei. Mereka itu ia-lah Ak. Mustapha bin Pgn. Metassan, Ahmad bin Hussein, Zainal Abidin bin Mohamad, dan Mohamad bin Haji Jerudin.

Mereka akan menjalani kursus dalam bidang pelajaran latehan jasmani dan bahasa Inggeris di-Exter Institute of Education.

Guru2 yang mendapat hadiah biasiswa ranchangan Biasiswa Guru2 Commonwealth ia-lah Ahmad Murad bin Haji Abdul Wahab dan Sh. Hamid bin Sh. Nikman. Ahmad Murad akan menuntut di-Maktab Leicester School of Education, manakala Sheikh Hamid akan

menuntut di-Maktab Exter Institute of Education.

Mereka juga akan menuntut sa-chara khusus dan mendalam dalam jurusan ilmu pendidekan dan bahasa Inggeris.

Awang Mustapha bin Ahmad pula akan menuntut ilmu seni lukis dan pertukangan tangan di-Starnwillis College, Belfast, sementara Dk. Fatimah bte. Pgn. Salim telah di-terima menuntut dalam jurusan ilmu pendidekan di-New Castle Upon Type Institute of Education.

Sementara itu dua orang guru yang lain-nya yang telah berjaya menerima dermasiswa2 kerajaan dan biasiswa2 di-bawah ranchangan Biasiswa2 Latehan Guru Commonwealth di-jadualkan akan berlepas ka-United Kingdom pada 1 September.

Mereka itu ia-lah Awangku Ibrahim bin Pgn. Damit dan Mohamad Yakub bin Mantok.

Ak. Ibrahim telah di-terima masok ka-Carnegie College untuk menjalani satu kursus dalam jurusan pelajaran latehan jasmani dan Mohd. Yakub bin Mantok akan menjalani kursus dalam jurusan pelajaran latehan jasmani dan bahasa Inggeris, di-Exter Institute of Education.

Sementara itu dua orang guru yang lain-nya yang telah berjaya menerima dermasiswa2 kerajaan dan biasiswa2 di-bawah ranchangan Biasiswa2 Latehan Guru Commonwealth di-jadualkan akan berlepas ka-United Kingdom pada 1 September.



Gambar di-amoit di-lapangan terbang Berakas sa-jurus sa-belum mereka berlepas ka-United Kingdom. Dari kiri Awg. Ahmad Murad bin Hj. Abd. Wahab, Awg. Ahmad bin Hussein, Ak. Mustapha bin Pg. Metassan, Dk. Fatimah bte. Pg. Salim, Sheikh Hamid bin Sheikh Nikman, Awg. Mohamad bin Jerudin dan Awg. Zainal Abidin bin Mohamad.

POS SA-CHARA LANGSUNG KA-BANDAR2 MALAYSIA BARAT

BANDAR BRUNEI — Pehak berkuasa Pos Brunei telah menambahkan tiga buah bandar Malaysia Barat, ia-itu Pulau Pinang, Ipoh dan Seremban dalam senarai bagi pengiriman2 pos udara sa-chara langsung dari negeri ini.

Di-masa lampau, surat2 kiriman dari Brunei ka-negeri2 Malaysia Barat ada-lah di-kirimkan melalui Pejabat Pos Besar, Kuala Lumpur dan surat2 itu di-pilih terlebih dahulu sa-belum di-kirimkan ka-negeri masing2.

Ketua Pos Agong, Tuan Haji

Ali Khan berkata, langkah ini di-ambil berikutan dengan satu permohonan oleh pehak berkuasa Pos Malaysia supaya diadakan pengiriman2 sa-chara langsung dari Brunei ka-bandar2 tersebut.

Di-bawah peraturan baru itu, Pejabat Pos Brunei mengirinkan empat buah beg mel yang berasingan ka-Malaysia Barat sa-tiap hari.

Pada masa lampau hanya satu beg sahaja di-kirimkan ka-Kuala Lumpur dalam sa-hari.

Tuan Haji Ali Khan berkata, Pejabat Pos Ipoh akan turut mengadakan peraturan yang sa-rupa mulai dari 1 September, apabila ia-nya memulakan pengiriman mel sa-chara langsung ka-negeri ini.

4 Persatuan Peladang yang baru

BANDAR BRUNEI — Pendaftaran Persatuan telah meluluskan penubuhan empat buah persatuan2 baru peladang pada minggu lalu.

Persatuan2 baru itu telah ditubuhkan di-Kampong Keramat, Kampong Bukit Beruang, Kampong Lugo dan Kampong Tungku dan merupakan anggota kapada Persekutuan Persatuan2 Peladang Negeri Brunei.

Dengan pendaftaran empat buah persatuan baru itu, Persekutuan Persatuan2 Peladang negeri Brunei sekarang mempunya 60 buah persatuan2 peladang sa-bagai anggota dengan sa-jumlah hampir2 tiga ribu orang anggota bagi persatuan2 itu.

*Gunakan-lah Bahasa
Melayu*

SELAMAT PULANG KAPADA P.M. S'PURA

BANDAR BRUNEI — Perdana Menteri Singapura Tuan Lee Kuan Yew telah pulang ka-Singapura pada hari Sabtu lepas sa-telah berada di-negeri ini sa-lama dua hari.

Beliau ada-lah tetamu kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan untuk menghadiri perkahwinan Di-Raja di-antara Puteri Pengiran Anak Puteri Nor'ain dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Mohamad Yusof.

Perdana Menteri itu telah menjalani satu jadual lawatan yang padat sa-panjang masa beliau berada di-negeri ini.

Beliau telah menghadiri Istiadat Bersanding Di-Raja dan majlis perkahwinan yang telah di-adakan di-Istana dan menghadiri majlis2 yang telah di-adakan oleh Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British Awang F. D. Webber dan pemangku Menteri Besar Yang Amat Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Perdana Menteri Singapura itu telah di-berikan penghormatan sa-wajar-nya yang di-

berikan kepada sa-orang ketua kerajaan yang melawat ka-negeri ini pada masa beliau tiba dan berangkat pulang di-lapangan terbang.

KEHORMATAN

Satu pasokan dari pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei telah memberikan barisan kehormatan dan ketua2 jabatan yang di-ketuai oleh pemangku Menteri Besar telah hadir di-lapangan terbang bagi meng-ucapkan selamat pulang ka-tanah ayer-nya kepada beliau.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda telah menghantar sa-orang wakil peribadi

Baginda, ia-itu Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera Haji Mohamad untuk menyambut dan mengalu2kan Perdana Menteri Singapura itu sa-tiba-nya di-lapangan terbang dan ketika beliau berangkat pulang.

Di-sabelah pagi Sabtu, ketika menunggu kapal terbang untuk berangkat pulang pada tengah hari, Tuan Lee telah menaiki sa-buah kapal dari Bandar Brunei menuju ka-Muara untuk melawat pengkalan laut Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei.

Dalam perjalanan-nya itu, Pengarah Laut, Awang Jack Turner, telah memberikan penerangan ringkas kepada Perdana Menteri itu, mengenai projek pelabohan Muara yang pada masa ini sedang ranchak




Lambaian selamat tinggal dari Perdana Menteri, Lee Kuan Yew.

di-jalankan penyiasatan-nya. Pesuruhjaya Tinggi British, Pemangku Menteri Besar dan Penyelenggara Muzium, Pengiran Sharifuddin, ada-lah di-antara pegawai2 yang mengiringi Perdana Menteri Singapura itu, dalam lawatan tersebut.



Tuan Lee Kuan Yew ketika menaiki kapal untuk mengadakan lawatan ka-Pangkalan Laut AMDB di-Muara. Beliau di-temani oleh Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Md. Yusof (No. 1 dari kanan), Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British, Awang F. D. Webber (duduk di-kiri sekali), Penyelenggara Muzium, Pengiran Sharifuddin dan yang sedang tundok membelakangi kamera ia-lah Pengarah Laut, Awang Jack Turner.



Tuan Lee Kuan Yew kelihatan sedang memeriksa barisan kehormatan dari pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei di-lapangan terbang Berakas sa-belum beliau berlepas ka-Singapura pada hari Sabtu lepas.

PENGANTIN DI-RAJA BERARAK DI-AYER HARI INI

BANDAR BRUNEI — Pengantin Di-Raja, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Nor'ain dan suami-nya Yang Amat Mulia Pengiran Anak Mohamad Yusof akan di-arak di-sekitar Kampong Ayer pada petang hari ini untuk mengenalkan diri kedua2 pengantin baru Di-Raja itu kepada penduduk2 Kampong Ayer yang berjumlah hampir 20,000 orang itu.

Ini ada-lah merupakan kali yang pertama perarakan di-ayer serupa itu di-laksanakan.

Dalam perarakan itu nanti, suami isteri pengantin baru Di-Raja itu akan menaiki sa-buah kenaikan yang di-lengkap dengan perhiasan2 Di-Raja dan kenaikan itu di-bentok sa-olah2 sa-buah bahtera.

Kerja2 menyiapkan kenaikan itu yang di-buat di-atas sa-buah kapal Kerajaan "Sindaun" telah memakan masa sa-lama hampir2 sa-minggu dan tempat dudok khas bagi pengantin Di-Raja itu di-olah merupakan sa-buah "Mahligai".

Perarakan pengantin Di-Raja itu akan di-iringi oleh motobot2 dan perahu2 yang akan di-naiki oleh pembesar2 negara dan keluarga2 Di-Raja.

Sa-lain dari itu, kesempatan telah juga di-beri kepada persatuan2 belia di-Kampong Ayer bagi memasoki peraduan menghiasi kenaikan bagi mengiringi perarakan pengantin Di-Raja itu.

Dalam peraduan itu, sa-banyak 32 buah persatuan2 belia telah bersedia untuk me-

masoki peraduan itu.

Menurut ranchangan, perarakan Pengantin Di-Raja itu akan di-dahului oleh alat2 kebesaran Di-Raja Pancharagam2 Pulis Di-Raja dan Askar Melayu Di-Raja.

Perarakan itu akan bermula dari Tambatan Kastam Di-Raja pada pukul 2-30 petang untuk menuju ka-kampong2 Sungai Lampai, Kg. Setia (Rangau Baru), Saba, Burong Pingai, Istana Darul Hana dan berpatah balek menuju ka-Kg. Tamoi sa-terus-nya balek samula ka-Tambatan Kastam.

Sementara itu, pada hari Isnin lepas telah sempurna di-jalankan Istiadat sa-belah malam-nya, kedua2 pengantin baru Di-Raja itu telah menjalani Istiadat Bersanding khas untuk keluarga2 Di-Raja.

Kenyataan dari Istana

BANDAR BRUNEI. — Satu kenyataan yang di-keluarkan dari Istana berkata, berita keluaran Bintang Harian bertarikh 5 Ogos yang bertajok, Duli Yang Maha Muli Paduka Seri Baginda guggorkan ranchangan pengambilan bekas perajurit2 Gurkha dan mengenai perjanjian antara Britain dengan Baginda, ada-lah tidak betul.

Kenyataan itu berkata, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda, sa-benar-nya menolak bagi merundingkan soal perlembagaan, di-sepanjang pertemuan Baginda dengan Setia Usaha Bagi Hal Ehwah Commonwealth British.